

Ilmuwan, profesional perlu tampil maju kualiti pendidikan di luar bandar

NST 14.04.2012 11

PITAS (Malubang): Para ilmuwan serta profesional perlu tampil dan proaktif dalam usaha memajukan kualiti pendidikan dan sosio-ekonomi masyarakat khususnya di kawasan luar bandar.

Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar merangkap Timbalan Exco Pendidikan Negeri, Datuk Bolkihah Haji Ismail berkata, mereka tidak boleh berasa selesa dengan kedudukan peribadi yang dicapai sambil melupakan nasib anak bangsa di luar bandar.

“Kita seharusnya mampu menjadi pemimpin generasi pada masa hadapan. Marilah kita sama-sama bertekad mencemerlangkan anak bangsa kita agar mencapai hasrat murni 1 Rumah 1 Graduan,” katanya semasa merasmikan Pelancaran Program Outreach UMS 2012 di Kampung Malubang Pitas dekat sini, baru-baru ini.

Katanya, ibu bapa dan para pelajar serta masyarakat yang terlibat dalam program ini agar menjadikannya sebagai satu pengalaman baru dan hendaklah diserapkan agar ianya lebih bermakna.

“Ingatlah bahawa pelajaran itu amat penting kepada semua rakyat tanpa mengambil kira siapa saja,”



SIJIL ... Salah seorang peserta wanita pelajar UMS menerima sijil yang disampaikan oleh Bolkihah.

tegasnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kawasan Pitas itu, turut merakamkan ucapan penghargaan kepada warga UMS yang telah memilih Pusat Pelancongan Malubang dalam Daerah Pitas sebagai pusat program kali ini.

Turut hadir di majlis itu Pegawai Pelajaran Daerah Pitas Awang Jaya Awang Damit, Ketua

Unit, Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar UMS merangkap Penyelaras dan mengetuai rombongan Program Dr. Khalid Johari, Pegawai Daerah Pitas Sapdin Ibrahim, Guru Besar SK Malubang Francis Pudon mengetuai warga Sekolah, ibu bapa dan murid Pengerusi JKKK Kampung Malubang Mokhtar Amirol dan masyarakat setempat. **-OLEH AJM**



CENDERA KENANGAN ... Bolkihah (kiri) menerima cendera kenangan dari pihak penganjur.



SUMBANGAN ... Mokhtar (kanan) menerima sumbangan berupa pakaian dan buku-buku teks dari Yayasan Sabah.